



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### SINAR KASIH RAMADAN YKN

**PUTRAJAYA, 27 MAC** - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara menyempurnakan Majlis Iftar Sinar Kasih Ramadan YKN bersama 300 orang tetamu yang terdiri daripada Rakan Strategik YKN dan kumpulan sasar di bawah KPWK.

Penganjuran program ini adalah kesinambungan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang kedatangan bulan Ramadan. Yayasan Kebajikan Negara telah menyantuni golongan sasar dengan program sumbangan bakul makanan dan sumbangan tajaan baju raya kepada anak-anak asnaf. Usaha YKN membantu mereka yang kurang bernasib baik ini mendapat sumbangan dan sokongan daripada jabatan agensi Kerajaan, syarikat korporat, badan bukan kerajaan juga orang perseorangan.

Program Bubur Lambuk Kasih Ramadan YKN juga turut dianjurkan bermula pada sebelah pagi tadi bagi penyediaan lima (5) ribu pek bubur lambuk untuk diagihkan kepada warga kerja KPWK, petugas keselamatan dan petugas kesihatan yang sedang bertugas. Ianya dilaksanakan serentak di Ibu Pejabat YKN, Putrajaya dan di setiap Pejabat YKN Zon dan Cawangan negeri seluruh negara dengan bantuan dan sokongan daripada Sukarelawan YKN.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 25 Rakan Strategik YKN yang bersama dalam majlis iftar ini. Sumbangan dan kerjasama erat antara YKN dan Rakan Strategik YKN membentuk satu jalinan yang teguh dalam usaha YKN menyantuni golongan sasar di bawahnya. Penglibatan Rakan Strategik melalui platform tanggungjawab sosial korporat.

Yayasan Kebajikan Negara mengalu-alukan sumbangan dan program kolaborasi kepada korporat, *Non-Government Organization* (NGO) serta orang perseorangan untuk berkerjasama dan bagi setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA** seperti berikut:

**ALLIANCE ISLAMIC BANK  
160140010004801**

**MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD  
568621012284**

**###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
27 MAC 2024**